

KKTAG JUARA PERPADUAN FESTKOL 2018

Oleh : Mohd Basri Basir

Pauh Putra, 23 April – Kolej Kediaman Tan Sri Aisyah Ghani (KKTAG) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dinobatkan Juara Perpaduan sempena Festival Kebudayaan Antara Kolej Kediaman (FESTKOL) 2018 yang berlangsung mulai 19, 20 dan 22 April.

Lebih manis apabila pasukan kolej berkenaan turut diumumkan meraih dua kejuaraan iaitu bagi kategori pertandingan Boria dan kategori Dikir Barat ketika Majlis Penutup FESTKOL 2018 di Dewan Kecemerlangan di sini.

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Prof Ir Dr Rezuwan Kamaruddin merasmikan upacara Majlis Penutup FESTKOL 2018 anjuran Unit Kebudayaan dan Rekreasi (UKR) dengan kerjasama MPKK Kolej Kediaman Tun Abdul Razak (PFI2) itu.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Prof Dr Uda Hashim, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof Madya Dr Mohd Foad Sakdan, Pengarah UKR Mohd Izwan Izhar Haris serta pengetua-pengetua kolej kediaman.

FESTKOL 2018 merupakan festival julung kali diadakan bagi menggilap bakat mahasiswa UniMAP seterusnya bersaing di Festival Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (FestKUM) anjuran Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) dan One World Culture di masa akan datang.

Sebanyak tiga kategori dipertandingkan iaitu Boria, Nasyid dan Dikir Barat membabitkan penyertaan enam kolej kediaman di UniMAP.

Bagi pertandingan nasyid, pasukan Kolej Kediaman Pauh Putra menjuarai kategori berkenaan.

